

01/07/2003

BPMB, BSN keluar RM66j bagi Skim Kredit Mikro

BANK Pertanian Malaysia Bhd (BPMB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN), sudah

menyalurkan pinjaman berjumlah RM66 juta kepada 5,032 peniaga kecil di seluruh negara di bawah Skim Kredit Mikro sehingga Khamis minggu lalu.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, berkata daripada jumlah itu, BPMB menyalurkan pinjaman bernilai RM65.48 juta kepada 4,992 peniaga kecil, manakala BSN pula meluluskan permohonan 40 peniaga kecil bagi pinjaman bernilai RM520,000.

Sejak skim itu dilancarkan 3 Jun lalu, BPMB menerima 10,762 permohonan bagi pinjaman bernilai RM164.57 juta, manakala BSN pula menerima 4,680 permohonan bagi pinjaman bernilai RM77.84 juta, katanya.

Beliau memberitahu demikian di Kuala Lumpur selepas mendengar taklimat daripada Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) di Kuala Lumpur, semalam.

Taklimat diberikan oleh Pengerusi SPNB Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad bulan lalu, kerajaan memperuntukkan RM1 bilion bagi melaksanakan Skim Kredit Mikro bertujuan memberi akses pinjaman lebih mudah kepada peniaga kecil.

Daripada peruntukan itu, RM500 juta disalurkan kepada BPMB bagi memberi

pinjaman kepada peniaga yang terbabit dalam perniagaan berkaitan pertanian, manakala RM300 juta lagi kepada BSN bagi perniagaan bukan pertanian.

Sebanyak RM200 juta lagi disalurkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)

yang akan diletakkan di bawah BPMB.

Mengulas mengenai kira-kira 100 pemohon pinjaman skim itu yang dikesan oleh BPMB cawangan Kelantan mengemukakan maklumat palsu, Jamaludin berkata, ia membuktikan bahawa bank pengendali skim itu mempunyai sistem penilaian permohonan yang cekap.

Beliau berkata, langkah itu adalah bagi memastikan hanya peniaga tulen saja yang diberikan pembiayaan di bawah skim itu.

"Pengurusan BPMB dan BSN sentiasa mengambil langkah terperinci sebelum meluluskan sesuatu permohonan.

"Pegawai bertugas akan mendapatkan maklumat yang tepat mengenai aktiviti

perniagaan serta latar belakang pemohon bagi memastikan permohonan yang dikemukakan tulen dan tidak ada unsur penipuan," katanya.